



Semakan Produk Berdaftar



Aplikasi ini membolehkan pengguna membuat semakan Produk Berdaftar dan Produk Kosmetik yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Maklumat yang dipaparkan adalah nama produk, bahan aktif dan kod produk.



m-Denggi



Aplikasi ini memaparkan maklumat-maklumat penting berkaitan denggi seperti kawasan wabak denggi, tanda dan gejala denggi, langkah-langkah pencegahan, tanya pakar dan kenyataan akhbar.

Sekarang :



akan datang :



Imbas kod ini atau layari
www.mymobile.gov.my

Projek Inisiatif

Kementerian Kesihatan Malaysia

Bersama

Unit Permodenan Tadbir dan
Perancangan Pengurusan Malaysia
(MAMPU)

Diterbitkan Oleh :
Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

KKM : JUN 2012/ 500



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

myHEALTH Apps

Health Information @ mobile



Pengenalan


Seiring dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama MAMPU telah membangunkan *mobile application* yang dinamakan **myHEALTH Apps**. Projek ini dilaksanakan bertujuan untuk memudahkan rakyat mencapai maklumat perkhidmatan kesihatan dengan cepat, mudah dan selesa pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan menggunakan peranti pintar atau *smartphone*.

MyHealth Apps

Terdapat enam (6) perkhidmatan utama yang disediakan iaitu:-



Kemudahan Kesihatan



Aplikasi ini memaparkan maklumat kemudahan kesihatan kerajaan meliputi Hospital, Klinik Pergigian, Klinik Kesihatan, Klinik 1Malaysia dan Klinik Desa. Carian kemudahan kesihatan terdekat termasuk peta lokasi.



Penilaian Risiko Kesihatan



Aplikasi ini membolehkan pengguna untuk menilai tahap kesihatan bagi Obesiti, Aktiviti Fizikal, Kesihatan Mental, Merokok, Diabetes dan Penyakit Jantung. Kalkulator Kesihatan juga disediakan bagi mengira Indeks Jisim Badan (BMI), Berat Badan Ideal, Keperluan Tenaga, Lemak Tubuh dan Sasaran Degup Jantung.



Soalan Lazim Kesihatan



Aplikasi ini mengandungi pelbagai soalan lazim yang ditanya melalui perkhidmatan Tanya pakar. Soalan lazim ini dikategorikan mengikut kumpulan kanak-kanak, remaja, dewasa, pemakanan, ubat dan anda, kesihatan pergigian dan soalan umum.



Semakan Pengamal Perubatan



Aplikasi ini membolehkan pengguna membuat semakan pengamal perubatan di Malaysia yang terdiri daripada Pengamal Perubatan dan Pengamal Pergigian yang berdaftar. Maklumat yang dipaparkan adalah seperti nama, nombor pendaftaran dan tempat amalan pengamal.